

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. MASZLEE BIN MALIK
[SIMPANG RENGAM]
TARIKH : 15 JULAI 2020 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status terkini usaha pembaikpulihan sekolah daif di seluruh negara, terutamanya di Sabah dan Sarawak dan apakah unjuran kejayaan pelaksanaan untuk tahun 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke -11 (RMKe-11), iaitu bagi tahun 2016 sehingga tahun 2020, sejumlah RM3.055 billion telah diluluskan untuk projek naik taraf dan pembangunan semula bagi 773 buah sekolah daif di seluruh negara. Peruntukan ini digunakan untuk menaik taraf atau membina semula bilik darjah, asrama, bangunan pentadbiran dan kemudahan lain.

Daripada keseluruhan peruntukan tersebut, sejumlah RM415.0 juta adalah untuk menaik taraf dan pembangunan semula 245 buah sekolah di Semenanjung Malaysia. Sejumlah RM1.388 bilion lagi untuk naik taraf dan pembangunan semula 291 buah sekolah di Sarawak manakala baki RM1.252 bilion adalah untuk naik taraf dan pembangunan semula 237 buah sekolah di Sabah.

Berdasarkan status pelaksanaan projek di seluruh negara sehingga 30 Jun 2020, sebanyak 542 projek telah siap. Daripada jumlah tersebut,

NO. SOALAN : 8

510 projek telah menerima *Certificate of Completion and Compliance* (CCC)/*Certificate of Partial Occupancy* (CPO) dan 32 projek lagi dalam proses mendapatkan CPO. Selain itu, 53 projek masih dalam fasa pembinaan, 32 projek dalam proses perolehan dan 146 projek lagi dalam fasa pra bina yang meliputi proses reka bentuk, penyediaan dokumen tender dan kelulusan Kebenaran Merancang oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Bagi seluruh Semenanjung, sejumlah 225 projek telah siap, satu (1) projek masih dalam pembinaan dan 19 projek di peringkat pra bina.

Bagi negeri Sarawak, sejumlah 167 projek telah siap, dengan 158 projek telah menerima CCC/CPO dan 9 projek dalam proses mendapatkan CPO. Di samping itu, 49 projek lagi masih dalam pembinaan, 13 projek dalam proses perolehan dan 62 projek dalam fasa pra bina.

Bagi negeri Sabah pula, sejumlah 150 projek telah siap, di mana 127 telah dikeluarkan CCC/CPO dan 23 projek dalam proses mendapatkan CPO. Baki 3 projek lagi masih dalam pembinaan, 19 projek dalam proses perolehan dan 65 projek dalam fasa pra bina.

Projek menaik taraf dan membangunkan semula sekolah daif yang telah diluluskan bagi tahun 2020 adalah sebanyak 136 projek. Berdasarkan jangkaan awal Jabatan Kerja Raya (JKR), sebanyak 52 projek yang berstatus dalam pembinaan disasarkan dapat disiapkan. Walau bagaimanapun, unjuran ini terpaksa dikurangkan berikutan kesan pandemik COVID-19 yang menyebabkan kerja-kerja di tapak terpaksa ditangguhkan. Oleh yang demikian, hanya 32 projek dijangka dapat disiapkan dalam tahun 2020.

KPM akan terus bekerjasama rapat dengan JKR Malaysia, JKR Sarawak, JKR Sabah, Kerajaan Negeri Sarawak dan Kerajaan Negeri Sabah termasuk PBT bagi memastikan kejayaan pelaksanaan projek.

Sekian, terima kasih.